

Al-Quran, sunnah pacu penyatuan ummah

B/A 13/7/12 Ms 51

Nabi Muhammad SAW adalah rasul yang telah menyelesaikan segala permasalahan ummah dan menyempurnakan tanggungjawab sewaktu hayat Baginda dengan meninggalkan dua khazanah berharga sebagai panduan hidup iaitu al-Quran dan sunnahnya.

Kitab wahyu yang diturunkan Allah SWT kepada Rasul-Nya ini dipenuhi mukjizat dan keagungan yang tiada tolak bantingnya dengan kitab lain serta tiada keraguan mengenai kebenarannya.

Firman Allah SWT: *"Kitab al-Quran ini, tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka yang bertakwa. Iaitu orang yang beriman kepada perkara ghaib, dan mendirikan sembahyang serta membelanjakan sebahagian rezeki yang Kami berikan kepada mereka."* (Surah al-Baqarah, ayat 2-3)

Al-Quran sebagai kitab perlembagaan dan panduan bagi kehidupan manusia, bukan sekadar mengandungi hukum hakam, bahkan ia memberi panduan mengenai adab dan peraturan sebagai hamba Allah SWT.

Sejarah membuktikan al-Quran sebagai pemacu penyatuan ummah yang berkeupayaan tinggi membentuk serta melahirkan satu generasi kuat dan bertamadun. Kembali kepada al-Quran mampu menjana ketamadunan ummah

yang unggul, modal insan berkualiti serta melahirkan khaira ummah.

Ummah Wasatiyyah merujuk kepada ummah yang melaksanakan segala tuntutan Islam secara berhikmah, berimbang bagi menentukan tidak berlaku kekerasan, kezaliman tetapi pada masa sama Islam terus dihargai dan dimartabatkan.

Firman Allah SWT: *"Dan demikianlah Kami jadikan kamu satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia dan Rasulullah pula akan menjadi saksi kebenaran perbuatan kamu."* (Surah al-Baqarah, ayat 143)

Berdasarkan ayat ini, ummatan wasata telah diterjemahkan sebagai umat pertengahan iaitu ummah yang adil, tidak berat sebelah dalam hal dunia dan akhirat sekali gus seimbang dalam seluruh aspek kehidupan.

Ia menggambarkan umat Islam yang telah dijelaskan Allah SWT sebagai manusia yang adil dan boleh menjadi saksi terhadap seluruh perbuatan manusia. Mengikut pandangan Sayyid Qutb, "Umat Islam adalah umat yang adil dalam segala erti keadilan sama

ada keadilan dengan erti kebaikan dan kelebihan atau keadilan dengan erti kesederhanaan atau dengan ertinya yang fizikal, iaitu berada di tengah-tengah."

Justeru, Umat Islam dituntut menyeimbangkan antara rohani dan jasmani, antara dunia dan akhirat. Sifat kesederhanaan dan keseimbangan ini penting bagi orang yang beriman. Bagaimanapun kesederhanaan ini haruslah diterjemahkan secara positif.

Kesederhanaan diamalkan dalam Islam bermatlamat mencari kebenaran. Dalam menuju ke arah kebenaran pastinya memerlukan roh kesederhanaan dan keseimbangan yang jitu.

Bersikap sederhana bukan bermaksud mengambil mudah sesuatu perkara dan berserah kepada takdir.

Tetapi ia lahir daripada ilmu dan prinsip yang benar serta mampu bertolak ansur. Perkara ini tidak mungkin akan dapat dicapai melainkan dengan kita kembali kepada ajaran sunnah Rasulullah dan al-Quran al-Karim.

Umat Islam sebagai ummah unggul menuntut kebijaksanaan tinggi dalam menyusun kehidupan. Perubahan dalam

kehidupan mestilah mampu membebaskan umat Islam dari belenggu kebakuan yang bersifat tradisi.

Percayalah Allah SWT tidak akan merubah sesuatu kaum selagi kita tidak melakukan perubahan diri sendiri. Ini adalah undang-undang dan sunnah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Sebagai ummah yang beriman maka sewajarnya al-Quran dijadikan panduan dan sumber rujukan utama dalam apa juga kegiatan hidup sama ada dari sudut akidah, syariat dan akhlak khususnya untuk menangani pelbagai permasalahan serta cabaran semasa.

Kita mesti yakin al-Quran sahajalah yang mampu menjadi ubat dan penawar kepada segala jenis penyakit sama ada rohani atau jasmani yang sedang melanda masyarakat masa kini. Ingatlah tuntutan qurani ini telah berjaya membebaskan ummah daripada kegelapan kepada cahaya keimanan.

Firman Allah SWT: *"Dan apabila kamu membaca al-Qur'an, Kami jadikan antaramu dan orang yang tidak beriman kepada hari akhirat itu, suatu dinding yang tertutup."* (Surah al-Israa, ayat 45)



Sumber

Khutbah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

